

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	7/5/2012

8

**NASIONAL**

Isnin  
7 Mei 2012

**BERITA HARIAN**

# Anwar calon pilihan Amerika

## Ketua Pembangkang 'boneka' untuk jatuhkan kerajaan: Dr Mahathir

Oleh Nahar Tajri  
nahar@bharian.com.my

● SYAHARIM ABIDIN | BERITA HARIAN

**A**LOR SETAR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai calon pilihan Amerika Syarikat (AS) untuk menerajui negara ini selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Beliau berkata, Anwar yang juga bekas timbalannya ketika masih menjadi Perdana Menteri sudah mula menunjukkan kecenderungannya terhadap negara barat itu hingga menjadikannya calon pilihan bagi menggantikan pucuk pimpinan sedia ada yang memerintah Malaysia ketika ini.

Katanya, bahaya bagi rakyat negara ini terutama mereka yang terpesona dengan gaya Anwar untuk mempertaruhkan nasib mereka di tangan ketua pembangkang itu kerana ia tidak menjamin masa depan negara.

"Amerika sentiasa mencari jalan untuk menjatuhkan rejim mana-mana negara yang tidak sehaluan dengan mereka dan ini yang berlaku di negara Arab sebelum ini.

"Di Malaysia, Anwar menjadi pilihan mereka supaya menggantikan rejim sedia ada. Tujuannya cuma satu kerana mereka tidak suka kepada kerajaan sedia ada dan mahu ia digantikan.

"Kecenderungan Anwar saya lihat bukan baru dan ini berlaku



MAHATHIR (tengah) bersama Azmi (kiri) dan Ahmad Bashah pada Program Wacana Tokoh Negerawan di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Bandar Muadzam Shah, Anak Bukit, semalam.

malah ia mula jelas ketika saya masih Perdana Menteri dan beliau adalah timbalan. Saya harap rakyat Malaysia berhati-hati dan jangan gadaikan masa depan," katanya selepas Wacana Tokoh Negerawan Bersama Penjawat Awam Persekutuan Kedah di sini, semalam.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, aliran wang dari negara luar bagi membantu menjatuhkan pemerintahan negara ini sedang berjalan

dan ini dapat dilihat melalui perhimpunan BERSIH 3.0 yang berlangsung di ibu negara pada 28 April lalu.

Katanya, pihak pembangkang mendakwa perhimpunan itu disertai 250,000 peserta dan ia sudah tentu memerlukan belanja besar untuk ditampung penganjurnya.

"Wang luar masuk melalui pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan ia sudah berlaku sejak zaman

saya lagi. Ketika ini ia masih berjalan dan turut membabitkan parti pembangkang.

"Dalam hal ini penganjuran BERSIH 3.0 ada ramai peserta yang terbabat. Takkan mereka ini tidak makan, minum atau bermalam sebelum menyertai perhimpunan.

"Jadi penganjuran seperti ini sudah tentu memerlukan belanja besar. Soalnya dari mana wang ini datang," katanya.

BH- 7/5/2012